

# Abdullah hairan Nik Aziz pertahan Mat Sabu maki pemimpin UMNO

UM 13 JUL 2002

Oleh ZULKIFLI JALIL

ALOR SETAR 12 Julai — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau hairan mengapa Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sanggup mempertahankan Mohamad Sabu supaya terus memaki hamun ahli-ahli UMNO sedangkan ia jelas bertentangan dengan Islam.

Tegas Timbalan Perdana Menteri, sebagai seorang yang mendakwa dirinya "Tok Guru", Nik Aziz sepatutnya menyeru semua pemimpin dan ahli Pas berbuat baik kepada sesama Islam dengan menjaga perilaku dan tutur kata.

Tambahan pula, katanya, tu-

tur kata menjadi penentu bukti ketinggian akhlak seorang Islam.

"Tidak kena langsung dan amat menghairankan saya kenapa Nik Aziz bersikap demikian. Ini (maki hamun) adalah cara yang berlawanan dengan agama.

"Agama meminta orang berbuat baik dan percakapan itu satu-satunya daripada bukti bahawa orang itu adalah Islam," katanya.

Beliau menyatakan perkara itu kepada pemberita semasa mengetuai jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) menjalankan kempen dari rumah ke rumah di Taman Aman, Anak Bukit, di sini hari ini.

Abdullah mengulas tindakan Nik Aziz membela Mohamad Sabu yang juga Ahli Parlimen Kuala Kedah yang memaki hamun ahli-ahli UMNO.

## Bertentangan

Sikap Nik Aziz itu sekali gus bertentangan dengan permintaan beberapa pihak dalam Pas sendiri yang mahu kempen parti itu dalam pilihan raya kecil di Pendang dan Anak Bukit tidak dicemari maki hamun dan menghina peribadi pemimpin negara.

Kata Nik Aziz, Mohamad Sabu akan terus memaki hamun ahli dan pemimpin UMNO selagi mereka tidak mengakui kesalahan dilakukan terhadap Pas.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan secara jelas maksud kesalahan yang dilakukan oleh UMNO kepada Pas.

Menurut Abdullah, beliau sebenarnya pelik dengan dakwaan Mursyidul Am Pas itu bahawa kononnya UMNO ada melakukan kesalahan terhadap parti pembangkang itu.

Sedangkan, kata Abdullah, sepanjang ingatannya, Pas adalah yang paling banyak memburukkan kerajaan.

"Kerajaan buat apa yang kita ingat baik untuk rakyat dan negara tetapi mereka (Pas) pilih untuk menentang, hatta ajar orang jangan bersyukur dan

■ Lihat muka 8

# Abdullah hairan Nik Aziz pertahan Mat Sabu maki pemimpin UMNO

UM 13 JUL 2002

berterima kasih, kononnya kalau kerajaan mana pun (memerintah), boleh buat (segala pembangunan untuk rakyat)," katanya.

Malangnya, tegas Abdullah, apabila Pas memerintah Kelantan dan Terengganu, mereka gagal mentadbir dengan baik malahan tidak mampu menyaingi apa yang dilakukan oleh pentadbiran BN sebelum itu.

Beliau turut menarik perhatian bahawa dalam menjayakan misi menubuhkan kerajaan Islam di kedua-dua negeri itu, Pas masih gagal dan tidak mampu berbuat apa-apa dalam memajukan umat Islam.

"Jadi, modal Pas hanyalah mengata orang lain dengan harapan rakyat akan percaya bahawa kita (UMNO dan BN) salah dan depalah yang betul," katanya.

Rabu lalu, Mohamad Sabu

memulakan kempen hari pertama pilihan raya kecil Anak Bukit di sini dengan mendakwa Malaysia sebagai negara haprak atas alasan negara ini tidak membenarkan kritikan dibuat terhadap pemimpin negara.

Sambil menegaskan tidak gentar dengan sebarang kemungkinan kerajaan mengambil tindakan undang-undang, Mohamad Sabu berkata, beliau akan terus menyerang peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan para pemimpin UMNO yang lain dalam siri ceramah politik yang disertainya.

Ahli jawatankuasa Pas Pusat yang juga 'ayam tambatan' parti itu sebelum ini dikecam banyak pihak selepas sedutan ucapannya yang menghina Dr. Mahathir disiarkan oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).